05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Jawatankuasa Kurikulum Pusat 4/88. Kedua-dua dokumen ini memainkan peranan yang sangat penting bagi menghasilkan sukatan pelajaran untuk KBSR, KBSM dan juga buku teks bagi Tingkatan 1, 2, dan 3. Walau bagaimanapun, Jabatan Pelajaran Sarawak masih tidak memberi peruntukan untuk penghasilan buku teks, pemberian kursus, latihan dan seminar sebaliknya melalui fleksibiliti perbelanjaan daripada Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri (Ibid, 2015).

Era pasca Akta Pendidikan 1996 yang menggantikan Akta Pelajaran 1961 menjadi titik penting dalam pengembangan dan pemantapan bahasa Iban di Malaysia. Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak (JPNS) telah mencadangkan agar bahasa Iban turut diajar di sekolah menengah atas pada tahun 1992 tetapi tidak direalisasikan sehingga pembentukan Akta Pelajaran 1996. Penguatkuasaan ini memberi ruang bahasa Iban serta bahasa etnik lain diajar melalui definisi sekolah kebangsaan dan sekolah menengah. Segala urusan pengajaran dan pembelajaran menjadi tanggungjawab Jabatan Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) (Rosline Sandai & Marilyn Ong Siew Ai, 2015).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kurikulum bahasa Iban juga sentiasa diulas dan diperiksa untuk penambahbaikan dari semasa ke semasa. Tumpuan diberikan sepenuhnya kepada kemahiran mendengar, menulis, membaca dan berkomunikasi serta pengetahuan kebudayaan Iban. Bahasa Iban turut ditambah baik mengikut standard yang telah dipersetujui kementerian (Rosline Sandai & Marilyn Ong Siew Ai, 2015). Oleh itu, guru yang mengajar terdiri daripada orang Iban yang telah mengajar sejak zaman pemerintahan Brooke dan perintis baru yang direkrut dari latar belakang agama Kristian atau penutur jati (Pringle, 1936).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan sastera dan budaya lisan Iban telah menyebabkan timbulnya kegusaran dalam kalangan guru. Hal ini kerana segelintir guru tidak memahami bahasa klasik dalam teks sastera terutamanya berkaitan puisi tradisional Iban. Justeru, guru masih tidak bersedia untuk mengajar puisi tradisional ini (Rosline Sandai, 2015) kerana kurang pendedahan dari aspek pedagogi dan maksud puisi tradisional Iban (Magdeline anak Nor, Zamri Mahamod, 2019). Tambahan pula, bahasa klasik tidak digunakan dalam kehidupan seharian orang Iban. Aktiviti tradisional atau ritual yang menggunakan bahasa klasik itu juga semakin berkurangan pada masa kini.

Puisi tradisional Iban dikenali sebagai *leka main*, merangkumi tiga kategori iaitu kategori Hiburan, Adat Resam dan Budaya serta Invokasi. *Leka main* merupakan tradisi lisan yang telah diketengahkan secara bertulis untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. Bahasa yang digunakan dalam teks puisi adalah bahasa klasik dan sukar difahami terutamanya puisi Invokasi. Maka, kesukaran dalam pemahaman isi kandungan puisi tradisional tersebut menjadi cabaran dalam pemilihan bahan pengajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Buletin ANJAKAN, KPM (2015) menyatakan guru perlu menguasai subjek, mahir dan berketrampilan dalam pedagogi, memahami perkembangan murid, memahami psikologi pembelajaran dan memiliki kemahiran kaunseling selain mahir dalam teknologi maklumat. Muhammad Faizal dan Abd. Khalil Adnan (2015) juga menyarankan para guru hendaklah sentiasa membaharui ketrampilan diri dan menguasai pengetahuan kandungan pedagogi agar pelajar lebih berminat dalam penghayatan bahasa dan estetika. Sehubungan itu, penyelidikan ini bertujuan membina

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


modul pedagogi integrasi berasaskan naratif dan aplikasi pengkomputeran untuk membantu guru dan pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran puisi tradisional Iban terutama puisi *Sampi* dan *Renung Adat*.

## 1.3 Pernyataan Masalah

Sampi dan Renung Adat merupakan puisi tradisional kategori invokasi yang masih diamalkan oleh segelintir masyarakat Iban sehingga kini (Robert Menua Saleh et al., 2001). Puisi ini dilafazkan atau dilagukan secara spontan oleh pengamal (lemambang) atau ketua masyarakat yang berpengalaman dalam ritual tradisi lisan tersebut. Bahasa klasik yang digunakan dalam puisi ini sering kali sukar difahami, terutama oleh generasi muda (Rosline Sandai, 2015). Kesukaran ini timbul kerana puisi tersebut menggunakan susunan kata yang puitis dan mengandungi makna tersirat yang kebanyakannya bersifat metafora.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut kajian Rosline Sandai (2015), generasi muda, termasuk guru, menghadapi cabaran besar dalam mentafsir puisi tradisional ini. Guru-guru menyatakan kebimbangan bahawa kesukaran memahami maksud puisi ini menjadikannya kurang menarik perhatian pelajar untuk mempelajarinya. Kekangan ini diperburuk dengan ketiadaan sumber rujukan yang mencukupi selain buku teks. Guru juga mendapati bahawa bahan pengajaran yang tersedia, termasuk laman sesawang, hanya memuatkan teks puisi dalam bahasa Iban standard yang lebih mudah difahami tetapi tidak mencerminkan sepenuhnya keaslian bahasa klasik dalam Sampi dan Renung Adat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Tambahan pula, kekurangan pakar dalam amalan tradisional Iban menjadikan panduan untuk memahami dan mentafsir puisi ini semakin sukar diperoleh (Rosline Sandai et al., 2019). Pentafsiran puisi tradisional invokasi ini memerlukan ketepatan kerana ia berkait rapat dengan aspek ritual budaya. Guru yang mengajar puisi tradisional ini sering kali tidak memiliki pengetahuan mendalam tentang adat resam dan budaya Iban kerana kebanyakan mereka tidak lagi mengamalkan cara hidup tradisional, terutamanya setelah berhijrah ke kawasan bandar (Magdeline anak Nor, Zamri Mahamod, 2019). Guru yang dilantik mengajar bahasa Iban juga mungkin tidak memiliki kepakaran khusus dalam bidang ini kerana pelantikan mereka lebih berdasarkan etnik daripada kepakaran.

Kesukaran memahami maksud tersirat dalam Sampi dan Renung Adat boleh diatasi dengan pendekatan pengajaran berasaskan naratif. Kirsch (2016) menyatakan bahawa teknik naratif mampu meningkatkan perbendaharaan kata pelajar, terutamanya untuk perkataan yang jarang didengar atau sukar difahami. Teknik ini juga membantu mengembangkan kecekapan berbahasa pelajar melalui penceritaan yang berkesan. Guru yang bertindak sebagai pencerita turut mendapat manfaat daripada pendekatan ini, kerana mereka dapat menyampaikan makna puisi secara mendalam dan menarik minat pelajar untuk mempelajari puisi tradisional.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Untuk memastikan pengajaran lebih berkesan, teknik naratif boleh digabungkan dengan strategi multimedia. Butcher, Davies, dan Highton (2019) menegaskan bahawa rancangan pembelajaran dan pengajaran (PdP) yang berjaya bukan sahaja membina asas ilmu pengetahuan tetapi turut meningkatkan motivasi dan keinginan pelajar untuk belajar. Multimedia yang menggabungkan teks, gambar, suara, bunyi, dan video

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



mampu menjadikan proses pembelajaran lebih menarik dan menyeronokkan (Mohd. Noorhadi Mohd. Yusof & Zurinah Tahir, 2017). Penggunaan multimedia juga membolehkan pelajar memahami maksud tersirat atau metafora dalam puisi tradisional secara lebih mendalam, seperti yang dinyatakan oleh Mayer (2014).

Pengalaman semasa pandemik COVID-19 menunjukkan betapa pentingnya penggunaan ICT dalam pengajaran. Kementerian Pelajaran Malaysia telah memperkenalkan sistem pembelajaran dalam talian, yang memerlukan guru meningkatkan kemahiran mereka dalam menggunakan teknologi multimedia. Dalam konteks pengajaran Sampi dan Renung Adat, multimedia berpotensi digunakan untuk memperjelas makna tersirat puisi, meningkatkan pemahaman pelajar, dan menarik minat mereka untuk mempelajari puisi tradisional ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan permasalahan yang dikenal pasti, kajian ini bertujuan membangunkan modul pengajaran Sampi dan Renung Adat berasaskan naratif dengan integrasi multimedia. Modul ini diharapkan dapat membantu guru memberikan penjelasan yang lebih mendalam tentang maksud puisi, di samping meningkatkan motivasi pelajar untuk mempelajari puisi tradisional Iban. Integrasi strategi naratif dan multimedia bukan sahaja menyelesaikan isu kekurangan bahan bantu mengajar tetapi juga memastikan puisi tradisional terus relevan dalam sistem pendidikan moden.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini berdasarkan tiga fasa seperti berikut:

Fasa 1

1. Mengenal pasti masalah yang dihadapi guru dalam pengajaran puisi tradisional *Sampi* dan *Renung Adat*

Fasa 2

1. Mendapatkan pandangan pakar tentang kesahan modul pengajaran *Sampi* dan *Renung Adat* berasaskan pendekatan naratif dan multimedia.
2. Mendapatkan pandangan guru tentang kekuatan dan kelemahan modul pengajaran *Sampi* dan *Renung Adat* berasaskan pendekatan naratif dan multimedia.

Fasa 3

3. Mengenal pasti kebolehgunaan modul pengajaran *Sampi* dan *Renung Adat* berasaskan pendekatan naratif dan multimedia.
4. Menganalisis kesan modul pengajaran *Sampi* dan *Renung Adat* berasaskan pendekatan naratif dan multimedia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.5 Soalan Kajian

Soalan kajian ini ialah seperti berikut:

Fasa 1

1. Apakah masalah yang dihadapi oleh guru dalam pengajaran puisi tradisional *Sampi* dan *Renung Adat*?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Fasa 2

2. Apakah pandangan pakar tentang kesahan modul pengajaran *Sampi* dan *Renung Adat* berasaskan pendekatan naratif dan multimedia?
3. Apakah pandangan guru tentang kekuatan dan kelemahan modul pengajaran *Sampi* dan *Renung Adat* berasaskan pendekatan naratif dan multimedia?

Fasa 3

4. Bagaimanakah kebolehgunaan modul pengajaran *Sampi* dan *Renung Adat* berasaskan pendekatan naratif dan multimedia?
5. Apakah kesan modul pengajaran *Sampi* dan *Renung Adat* berasaskan pendekatan naratif dan multimedia?

## 1.6 Hipotesis Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hipotesis kajian ini adalah seperti dibawah:

H1: Menguji kesetaraan pencapaian murid kumpulan kawalan dan rawatan.

H2: menguji perbezaan pencapaian murid kumpulan kawalan dan rawatan selepas menggunakan modul.

## 1.7 Rasional Kajian

Pembangunan modul ini merupakan satu usaha menambah kaedah alternatif kepada guru Bahasa Iban dalam menyampaikan puisi tradisional Iban. Modul ini membantu menerangkan maksud dan apresiasi bahasa klasik iaitu metafora yang terdapat dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


puisi *Sampi* dan *Renung Adat*. Sehubungan itu, pelajar diharap dapat berfikiran secara kreatif dan kritis sejajar dengan keperluan pendidikan abad ke-21.

Penerapan penghayatan bahasa dan estetika yang dilihat mampu melahirkan pelajar yang dapat mengaplikasikan pengetahuan kosa kata melalui hasil karya mereka. Proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah juga menjadi lebih menarik dan aktif guru bertindak sebagai pembimbing dan fasilitator.

## 1.8 Batasan Kajian

Kajian ini terhad kepada puisi tradisional kategori invokasi iaitu *Sampi* dan *Renung Adat.* Kajian ini juga terbatas kepada sumber sekunder iaitu menggunakan buku *Sampi Enggau Biau* (Robert Menua Saleh & Janang Ensiring, 2001), buku *Renung Adat* (Robert Menua Saleh et al., 2001). Data sekunder digunakan kerana kekurangan pakar yang mengamalkan puisi tradisional ini dan memenuhi setiap aspek adat dan kebudayaan kaum Iban. Oleh itu, dapatan kajian juga terhad kepada puisi yang dipilih.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Aspek kandungan modul juga hanya melibatkan isi kandungan puisi dan metafora yang terdapat dalam puisi terpilih. Justeru, penilaian modul hanya melibatkan informan dari aspek kefahaman isi kandungan dan maksud metafora puisi tersebut. Informan yang dipilih ialah dalam kalangan guru bahasa Iban dan pakar tentang puisi tradisional Iban.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini boleh menjadi model pedagogi integrasi tentang pengajaran kesusasteraan Iban. Keinginan untuk mendalami maksud dan kebudayaan Iban melalui puisi tradisional dapat ditingkatkan dalam kalangan guru dan pelajar kerana tujuan utama kajian ini ialah untuk meningkatkan kefahaman tentang kandungan dan konteks puisi tradisional Iban melalui strategi intgerasi berasaskan naratif dan multimedia.

Modul ini juga penting sebagai usaha meringankan beban guru dalam merancang aktiviti pembelajaran dan pemilihan bahan bantu mengajar. Penerapan elemen pemikiran kreatif dan kritis dalam kajian ini membantu pelajar dan guru dalam memahami puisi tradisional dengan lebih berkesan. Multimedia digunakan untuk menarik minat pelajar dalam memahami dan menghargai puisi tradisional Iban. Selain itu, ia turut dijadikan alternatif pengajaran dan pembelajaran terutamanya semasa pandemik COVID-19.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini turut dijadikan sebagai satu usaha menyokong dalam merealisasikan Pelan Pembanguan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025 dibawah aspirasi ‘Kemahiran Dwibahasa’. Aspirasi ini menggalakkan pelajar dari kumpulan etnik untuk menguasi sekurang-kurangnya tiga bahasa selain bahasa Melayu sebagai bahasa utama dan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Maka, pelajar dari kumpulan etnik dapat mengekalkan pengetahuan mereka tentang bahasa ibunda dan identiti bangsa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## 1.10 Definisi Operasional

Terdapat beberapa definisi operasional yang digunakan dalam kajian ini iaitu pembangunan, modul pengajaran, naratif, multimedia, *Sampi*, *Renung Adat*, kebolehgunaan, kesan, kesahan modul, kekuatan dan kelemahan modul. Kesemua definisi operasional tersebut diperincikan di bawah.

### 1.10.1 Pembangunan

Pembangunan merupakan proses evolusi dalam bidang pendidikan yang bertujuan menambahkan nilai moral dan perlu dalam membentuk manusia lebih berkualiti, berpotensi dan produktif (A'ing, 2015). Dalam kajian ini, pembangunan membawa maksud proses yang mewujudkan penambahan dan perubahan yang lebih baik dalam bidang pendidikan khususnya pendidikan bahasa Iban. Pembangunan modul pengajaran ini adalah berdasarkan Richey dan Klein.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.10.2 Modul Pengajaran

Butcher et al. (2019) menyifatkan modul pengajaran sebagai bahan dan sumber pembelajaran termasuk buku, sumber berbentuk media seperti audio, video dan animasi serta alat bantu visual seperti pemberian nota berbentuk slaid dan rajah. Dalam kajian ini, modul pengajaran yang dibangunkan berbentuk maujud iaitu buku yang dilengkapi dengan slaid pengajaran. Ia dijadikan bahan bantu mengajar untuk pengajaran dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



pembelajaran puisi tradisional Iban khususnya *Sampi* dan *Renung Adat*.

### 1.10.3 Naratif

Naratif merupakan teknik penceritaan untuk memberi pemahaman dalam penyampaian mesej atau idea (Barkhuizen, 2016). Kajian ini menggunakan naratif untuk pengajaran dan pembelajaran puisi *Sampi* dan *Renung Adat* untuk memahami maksud dan gambaran keseluruhan puisi tradisional *Sampi* dan *Renung Adat.*

### 1.10.4 Multimedia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Multimedia merupakan media yang mengandungi teks, grafik, video, animasi dan bunyi serta dikawal selia melalui komputer untuk menilai kompentensi pelajar (Mayer, 2014). Multimedia dalam kajian ini ialah perisian komputer Microsoft PowerPoint 2016 yang mengandungi teks, grafik dan bunyi untuk mengajar maksud tersirat dalam puisi tradisional *Sampi* dan *Renung Adat*. Multimedia ini bukan sahaja digunakan sebagai slaid pembentangan tetapi untuk aktiviti pembelajaran secara aktif.

### 1.10.5 *Sampi*

*Sampi* merupakan invokasi yang menuntut kepercayaan asal suku kaum Iban sebagai permohonan kepada Dewa-dewi (Petara), entiti dan roh agar mereka mendapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



keberkatan (Robert Menua Saleh & Janang Ensiring, 2001). Dalam kajian ini, sampi yang digunakan ialah *Sampi Gawai Dayak* (Mantera Gawai Dayak), *Sampi Gawai Antu* (Mantera Gawai Roh) dan *Sampi Ngetas Ulit* (Mantera Berkabung). *Sampi Gawai Dayak* merupakan invokasi yang dipuisikan semasa perayaan Gawai Dayak dalam masyarakat Iban. *Sampi Gawai Antu* pula dilakukan semasa sambutan Gawai Roh iaitu perayaan perkabungan yang terakhir bagi menghormati dan menghargai si mati. Manakala, *Sampi Ngetas Ulit* adalah doa atau mantera perkabungan selepas beberapa minggu peninggalan si mati.

### 1.10.6 *Renung Adat*

Robert Menua Saleh et al. (2001) menyatakan invokasi ini juga merupakan kepercayaan asal suku kaum Iban iaitu ritual atau pemujaan dewa. Dalam kajian ini, Renung Adat yang digunakan ialah *Renung Namaka Tuah* (Ritual Membawa Tuah), *Renung Ngalu Antu* (Ritual Mengalu-alukan Roh) dan *Renung Sebayan* (Ritual Dunia Roh). *Renung Namaka Tuah* dilafazkan pada awal pagi semasa perayaan Gawai dan diserukan kepada *Petara* dari tasik yang dipercayai boleh memberi tuah kepada tuan rumah. *Renung Ngalu Antu* pula dilafazkan pada waktu petang bertujuan untuk menyeru dan memuja segala roh yang baik untuk membantu memberikan kesihatan dan kesejahteraan. Manakala, *Renung Sebayan* dilakukan sebelum subuh kerana dipercayai orang *sebayan* (dunia roh) naik ke dunia manusia selepas subuh.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 1.10.7 Kebolehgunaan

Menurut Neilsen (2012), kebolehgunaan merupakan indikator yang mengukur kualiti sesuatu reka bentuk untuk memberi kemudahan kepada pengguna. Weichbroth (2018) pula menyatakan kebolehgunaan sebagai cara sesuatu reka bentuk atau produk menjalankan fungsi dengan memberi kualiti dan meningkatkan prestasi kepada penggunanya. Dalam kajian ini, produk yang dibangunkan adalah modul pengajaran *Sampi* dan *Renung Adat* berasaskan pendekatan naratif dan multimedia. Oleh itu, kebolehgunaan dalam kajian ini membawa maksud kemampuan atau keupayaan modul pengajaran yang dibangunkan dalam memberi kefahaman dan kemudahan untuk belajar tentang puisi *Sampi* dan *Renung Adat*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.10.8 Kesan

Menurut Mantzicopoulos et al. (2018), kesan merupakan kemampuan dan keupayaan sesuatu reka bentuk, strategi, pendekatan dan kaedah dalam mencapai objektif pembelajaran. Dalam kajian ini, keberkesanan merujuk kepada keupayaan modul pengajaran dari aspek pemahaman isi kandungan dan maksud metafora dalam *Sampi* dan *Renung Adat* berasaskan pendekatan naratif dan multimedia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



### 1.10.9 Kesahan Modul

Menurut Aliff Nauwi et al. (2015), kesahan modul merupakan ketepatan konsep dan kandungan sesebuah modul. Kesahan modul dalam kajian ini adalah kesahan kandungan, pedagogi dan teknikal modul.

### 1.10.10 Kekuatan dan Kelemahan Modul

Sobri et al. (2018) menyatakan kekuatan modul adalah kelebihan modul dalam mencapai objektif sesuatu modul. Sementara itu, kelemahan modul merujuk kepada kekurangan modul yang perlu dibaiki untuk mencapai objektif. Kekuatan dan kelemahan merupakan pandangan guru dan pelajar tentang kefahaman isi kandungan puisi, metafora dalam puisi dan kebolehlaksanaan modul.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.11 Kerangka Teori Kajian

Puisi tradisional *Sampi* dan *Renung Adat* digunakan semasa ritual atau majlis keramaian mempunyai bahasa yang klasik dan tersirat. Maka, analisis maksud puisi ini mengetengahkan maksud tersurat dan tersirat untuk memahami bentuk sastera masyarakat Iban. Bentuk puisi tersebut distrukturkan agar menjadi sistematik melalui strategi analisis kandungan teks. Puisi tersebut kemudian dihuraikan dalam bentuk naratif atau penceritaan agar pelajar dapat memahami maksud tersurat dalam keseluruhan puisi yang dikaji. Maksud tersirat turut dikeluarkan dan dianalisis

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


menggunakan perisian komputer, ATLAS.ti. Hasil dapatan kemudian digunakan dan dibangunkan menggunakan perisian komputer yang sesuai.

Teori yang digunakan dalam kajian ini adalah teori naratologi yang dicetuskan oleh Wallace Martin (1986). Teori naratologi yang dicetuskan oleh Martin menggambarkan naratif berlaku apabila pencerita bertindak sebagai pemberi maklumat atau manifestasi organisasi sosial menggunakan bahasa mudah untuk menjelaskan konteks sosial seperti antropologi, sosiologi dan kesusasteraan. Hal ini menjelaskan naratif mempunyai tema. Kewujudan tema ini kemudian menjadikan struktur penceritaan lebih menarik sehingga para pendengar dapat memahami mesej atau pesanan yang ingin disampaikan dengan baik.

Selain itu, keindahan bahasa yang digunakan turut mempengaruhi struktur cerita. Keindahan bahasa ini dipamerkan menerusi penggunaan bahasa kiasan untuk menyampaikan maksud sebenar. Hal ini secara tidak langsung melibatkan naratif dalam sastera tradisi dan budaya. Pembentukan bahasa kiasan ini berkait rapat dengan tanda, simbol atau lambang untuk dijadikan sebagai perbandingan. Kemudian, penulis bertindak sebagai pengantara dan penceritaan tersebut diinterpretasikan kepada umum. Keyakinan penulis dalam memberi pandangan, kritikan atau maksud daripada pencerita mempengaruhi pembaca atau pendengar. Akhirnya, pembaca diharapkan dapat memahami isi yang hendak disampaikan oleh pencerita. Kerangka teori ini ditunjukkan pada Rajah 1.1 dibawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

**Rajah 1.1**

*Kerangka teori kajian*






05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Berdasarkan Rajah 1.1, teori naratif Martin digunakan untuk meneliti puisi tradisional *Sampi* dan *Renung Adat* dari aspek tema, struktur dan makna. Tema digunakan sebagai pokok utama yang menjadi gagasan keseluruhan puisi tradisional tersebut. Penelitian tema adalah berdasarkan tujuan, suasana dan golongan atau kumpulan yang terdapat dalam puisi tradisional *Sampi* dan *Renung Adat*. Struktur pula digunakan untuk menerangkan plot, dialog dan latar tempat puisi tradisional *Sampi* dan *Renung Adat*. Manakala, penelitian makna melibatkan makna tersurat dan makna tersirat.

Penelitian bagi kesemua aspek ini kemudian dijadikan sebagai panduan bagi membangun cerita atau naratif dalam puisi tradisional *Sampi* dan *Renung Adat*. Naratif bukan sahaja membantu memberi gambaran makna keseluruhan puisi tradisional tersebut, malah memberi kefahaman tentang tujuan dan mesej yang disampaikan dalam invokasi puisi tradisional itu. Struktur puisi tradisional tersebut juga dapat difahami dengan mudah di setiap bahagian pendahuluan, isi dan penutup. Oleh itu, pengajaran puisi tradisional tersebut boleh dilakukan dengan pendekatan berasaskan naratif.

Teori naratif Martin menyatakan konteks sosiobudaya berkait rapat dengan tanda. Tanda tersebut mencakupi “simbol atau lambang yang digunakan untuk menyatakan maksud sebenar secara yang disesuaikan dengan kehidupan sosiobudaya dan pengalaman dalam kehidupan seharian. Kewujudan perbandingan ini membentuk bahasa kiasan serta mempamerkan keindahan bahasa yang digunakan” (Martin, 1986, p. 52). Keindahan bahasa ini ditunjukkan melalui pembentukan bahasa kiasan metafora. Tetapi Martin tidak menyatakan secara terperinci tentang metafora. Oleh itu, teori metafora Lakoff-Johnson digunakan untuk meneliti pembentukan metafora

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dalam puisi tradisional *Sampi* dan *Renung Adat.*

Menurut Lakoff dan Johnson (1980), metafora merupakan bahasa yang digunakan dalam pemikiran dan tingkah laku kehidupan seharian. Ia berlaku apabila seseorang dapat memahami sesuatu hal melalui proses pemahamannya tentang hal lain yang telah dikenali dan difahami sebelummya dari pengalamannya sehari-hari (Ibid, 1980). Berdasarkan pernyataan tersebut, bahasa kiasan metafora menentukan hubungan antara objek dengan menciptakan pemahaman mengenai objek tertentu melalui pemahaman mengenai objek yang lain. Dengan erti kata lain, domain sumber (*source domain*) digunakan manusia untuk memahami konsep abstrak dalam domain sasaran (*target domain*) (Ibid, 1980).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan Rajah 1.1 terdapat beberapa elemen metafora yang dikehendaki menjadi domain sumber dalam puisi *Sampi* dan *Renung Adat* iaitu metafora abstrak ke realiti, metafora perumpamaan, metafora berunsurkan haiwan dan metafora berunsurkan tumbuhan. Elemen- elemen ini disesuaikan dengan maksud sebenar supaya domain sasaran dapat dicapai. Kesemua  elemen ini merupakan konteks alam dan budaya dalam kehidupan seharian kaum Iban.

Konteks alam dan budaya yang mendasari kewujudan bahasa kiasan metafora menjadikan teks puisi tradisional mudah dikenal pasti. Domain sumber ini mungkin berbentuk abstrak, mempunyai cici-ciri semulajadi atau sifat yang sama bagi tujuan perumpamaan, perbandingan atau analogi, berunsurkan haiwan dan alam. Oleh itu, unsur atau elemen yang membentuk metafora tersebut digunakan untuk pengajaran maksud tersirat dalam puisi *Sampi* dan *Renung Adat*. Pengajaran maksud ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



disesuaikan dan dibangunkan menggunakan perincian komputer. Kedua-dua teori ini jelas menunjukkan tentang cara penelitian puisi tradisional *Sampi* dan *Renung Adat*. Penekanan tema, struktur dan makna membantu dalam pembentukan naratif untuk pengajaran maksud keseluruhan puisi tradisional tersebut. Manakala, konteks alam dan budaya dijadikan sebagai unsur yang membangun bahasa kiasan dalam puisi tradisional tersebut. Unsur ini kemudian dijadikan sebagai data untuk dibangun menggunakan aplikasi komputer bagi tujuan pengajaran maksud tersirat. Akhir sekali, modul pedagogi integrasi dibangunkan berasaskan naratif dan aplikasi komputer untuk pengajaran puisi tradisional *Sampi* dan *Renung Adat.*

## 1.12 Kerangka Konseptual Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Puisi tradisional *Sampi* dan *Renung Adat* digunakan semasa ritual atau majlis keramaian mempunyai bahasa yang klasik dan tersirat. Maka, analisis maksud puisi ini mengetengahkan maksud tersurat dan tersirat untuk memahami bentuk sastera masyarakat Iban. Bentuk puisi tersebut distrukturkan agar menjadi sistematik melalui strategi analisis kandungan teks. Puisi tersebut kemudian dihuraikan dalam bentuk naratif atau penceritaan agar pelajar dapat memahami maksud tersurat dalam keseluruhan puisi yang dikaji. Maksud tersirat turut dikeluarkan menggunakan perisian komputer, ATLAS.ti. Hasil dapatan kemudian digunakan dan dibangunkan menggunakan multimedia melalui Microsoft PowerPoint 2016. Pembangunan modul ini menggunakan model Richey dan Klein (2007).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Model ini mempunyai tiga fasa utama iaitu fasa analisis, fasa pembangunan dan fasa penilaian. Pada peringkat fasa analisis, perkara yang perlu diberi perhatian adalah menganalisis keperluan pembelajaran dan membuat perancangan bagi memenuhi keperluan tersebut. Analisis keperluan ini dilaksanakan melalui kajian rintis. Analisis ini bertujuan untuk mengetahui keperluan guru dalam mengajar puisi *Sampi* dan *Renung Adat*. Puisi tersebut kemudian dibangunkan berbentuk naratif untuk mendapatkan kefahaman secara menyeluruh. Daripada naratif tersebut, maksud tersirat iaitu metafora dianalisis menerusi Atlas.ti dan dibangunkan menggunakan Microsoft PowerPoint 2016 untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Modul kemudian dinilai secara formatif bagi sebelum menilai kebolehlaksanaan dan kebolehgunaan dalam pengajaran. Pembangunan ini merupakan peringkat kedua iaitu fasa pembangunan. Fasa seterusnya ialah fasa penilaian. Dalam fasa ini pelaksanaan modul pengajaran dan penilaian secara sumatif. Pembangunan modul ini menggunakan model pengajran Dick dan Carey (1985). Kerangka konseptual berasaskan model ini ditunjukan pada Rajah 1.2 dibawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**Rajah 1.2**

*Kerangka konseptual kajian*




## 1.13 Rumusan

Secara keseluruhan, bab ini membincangkan keperluan kajian seperti latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif dan soalan kajian, batasan kajian, kepentingan kajian, definisi operasional dan kerangka konseptual kajian. Selain itu, kajian ini turut menyatakan dua jenis puisi tradisional Iban yang digunakan untuk tujuan pembangunan modul pengajaran iaitu puisi *Sampi* dan *Renung Adat*. Teori yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


digunakan dalam kajian ini adalah teori Naratif Martin dan teori Metafora Lakoff-Johnson. Model yang digunakan untuk membangun modul pengajaran ini adalah menggunakan reka bentuk pengajaran Richey dan Klein (2007) dan model pengajaran Dick dan Carey (1985). Akhir sekali, pedagogi ini diasaskan menggunakan naratif dan diintegrasikan dengan multimedia untuk mengajar puisi tradisional *Sampi* dan *Renung Adat*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi